

Sunway Construction raih kontrak RM2.3b projek LRT3



KUALA LUMPUR: Sunway Construction Sdn Bhd (SCSB), unit Sunway Construction Group Bhd (SunCon), mendapat projek bernilai RM2.3 bilion daripada pihak Prasarana Malaysia Bhd membabitkan pembinaan Laluan 3 Transit Aliran Ringan (LRT3).

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, SunCon berkata ini termasuk membina dan menyiapkan laluan pandu, jambatan ikonik, kemudahan 'parkir dan naik,' bangunan tambahan dan kerja lain berkaitan LRT3 bagi laluan Bandar Utama-Johan Setia.

"Projek itu bagi tempoh selama 36 bulan dan dijangka siap menjelang suku keempat tahun 2020," katanya.

SunCon juga menjangkakan projek itu akan menyumbang secara positif kepada pendapatan kumpulan mulai tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2017 dan seterusnya.

Menurut kenyataan itu, projek berkenaan juga menjadikan nilai tempahan dalam tangan ketika ini kepada RM6.5 bilion. - BERNAMA